جواب **ليم** سوءالن سهاج.

1 | كجادين بولن اداله ساتو بوقتي ككواسائن الله ﷻ.

(*a*) ( i ) ڤاتاكن **دوا** بوقتي ككواسائن الله ﷻ سلائين كجادين بولن. [ 2 مركه ]

( ii ) جلسكن **دوا** كڤنتيڠن بولن كڤد مانسي. [ 4 مركه ]




PENDEDAHAN sumber perisikan sekurang-kurangnya 53 rakyat negara ini dipercayai anggota Daesh dan masih berada di Syria membuktikan kuatnya pengaruh militan berkenaan menular dalam masyarakat kita.

Bijak mengambil peluang daripada kemunculan media sosial membuatkan kumpulan itu mampu menyebarkan ideologi mereka dengan meluas dan cepat. Ini termasuk meraih simpati golongan muda yang begitu teruja dan terpanggil untuk berjihad bagi membantu pihak yang digambarkan teraniaya di negara Asia Barat berkenaan.

Gerakan radikal dalam kalangan masyarakat di negara ini, antaranya berpunca daripada aktiviti persatuan biasa yang pada awalnya tidak menampakkan ciri-ciri ekstremis atau melampaui batas. Akibatnya perlakuan pengamalnya bukan sahaja boleh membinasakan diri sendiri, malah paling teruk mampu membinasakan orang lain.

[ Lihat halaman sebelah

Punca utama menjadikan manusia sesat dan menyeleweng adalah kerana kejahilan dalam diri yang sukar diterima selain memiliki ilmu dari jalan yang salah. Sehubungan itu, pemahaman betul mengenai ajaran Islam cukup penting kerana ia menjadi benteng kepada penerimaan fahaman salah.

Sumber ubah suai daripada
*https://www.bharian.com.my/rencana/agama/2018/03/398867/fahami-ajaran-islam-elak-terjebak-ideologi-sesat*

*(b)* برداسركن ارتيكل دأتس ، هورايكن **تيك** فكتور يڠ مندوروڠ كڤد برلاكوڽ اجرن سست دالم نڬارا كيت. [ 6 مركه ]

*(c)* ترڠكن **دوا** ڤربيذاٴن ڤنداڤت علماء مڠناٴي حكوم برتقليد دالم ڤركارا عقيدة. [ 4 مركه ]

ڬولوڠن خلف منتأويلكن نص٢ متشابهات مڠيكوت ڤڠرتين دان معنا يڠ سسواي دڠن صيفت كمولياٴن،كسوچين دان كبسرن الله.

*(d)* جلسكن **دوا** بوقتي باكي مڽوكوڠ ڤرڽاتاٴن دأتس. [ 4 مركه ]

**2** (a) (i) اڤاكه ڤڠرتين علمو أصول الفقه؟ [ 2 مركه ]

(ii) جلسكن **دوا** كڤنتيڠن ممڤلاجري علمو أصول الفقه دالم كالڠن ڤلاجر. [ 4 مركه ]

معلومات 1:

فرمان الله ﷻ:

فَٱعۡتَبِرُواْ يَٰٓأُوْلِي ٱلۡأَبۡصَٰرِ (سورة الحشر: 2)

مقصودڽ :امبيلله اعتبار واهاي اورڠ يڠ ممڤوڽاءي عقل.

معلومات 2 :

Islam agama yang diyakini dapat memberikan penyelesaian dalam setiap situasi dan keadaan yang mampu menjawab persoalan yang muncul dalam masyarakat termasuk persoalan hukum. Sekiranya persoalan yang timbul tidak terdapat hukumnya di dalam Al-Quran, Sunnah atau Ijma', maka Qias boleh digunakan dalam mengeluarkan atau menentukan sesuatu hukum pada perkara baharu kerana Qias adalah salah satu sumber yang disepakati oleh para ulama.

Qias boleh dikatakan metod pemikiran yang digunakan untuk menganalisis persamaan-persamaan yang wujud di antara kes yang memang sedia ada hukumnya disebut secara jelas di dalam Al-Quran atau Sunnah dengan kes baharu yang dihadapi dengan adanya persamaan illah pada perkara furu' dan asal.

Qias juga boleh dijadikan sebagai hujah dalam undang-undang Islam untuk menyelesaikan pelbagai kes undang-undang yang tidak jelas. Oleh itu, segala persoalan atau permasalahan yang tidak dapat diperoleh dalam Al-Quran, Sunnah atau Ijma' maka dibolehkan kaedah Qias dalam mengeluarkan hukum dengan mengqiaskan illah pada perkara baharu dengan hukum yang asal.

Sumber ubah suai daripada
*http://soutulimtiaz.blogspot.com/2013/03/qias_13.html*

(b) برداسركن معلومت 1 دان معلومت 2، هوبوڠ كاءيتكن انتارا كدواڽ [ 6 مركه ]

[ Lihat halaman sebelah

( c ) كلاسيفيكاسيكن حكوم شرع برداسركن سيتواسي دباوه:

(i) مغرت كوكو سلقس تحلل

(ii) ممباسوه اغݢوتا وضوء ملبيهي تيك كالي

(iii) منوليس هوتغ اڤبيلا برهوتغ درڤد سسأورغ

(iv) ممبونوه منجادي ڤغهالغ كڤد فواريثن هرتا ڤوساك

[ 4 مركه ]

سبدا رسول الله ﷺ :

| |
|---|
| عَنْ عَائِشَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهَا قَالَتْ:كَانَ فِيْمَا أُنْزِلَ مِنَ الْقُرْآنِ عَشَرَ رَضَعَاتٍ يُحْرِمْنَ ثُمَّ نُنْسِخْنَ بِخَمْسٍ مَعْلُوْمَاتٍ وَتُوُفِّي رَسُوْلُ اللهِ ﷺ وَهُنَّ فِيْمَا يَقْرَأُ مِنَ الْقُرْآنِ (رواه البخاري ومسلم) |

( d ) (i) ڽاتاكن بنتوق نسخ دالم حديث دأتس. [ 2 مركه ]

(ii) ترغكن ڤروسيس نسخ منسوخ باݢي حديث دأتس. [ 2 مركه ]

[ Lihat halaman sebelah

3 فرمان الله ﷻ:

يَـٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُواْ لَا يَسْخَرْ قَوْمٌ مِّن قَوْمٍ عَسَىٰٓ أَن يَكُونُواْ خَيْرًا مِّنْهُمْ
وَلَا نِسَآءٌ مِّن نِّسَآءٍ عَسَىٰٓ أَن يَكُنَّ خَيْرًا مِّنْهُنَّ ۖ وَلَا تَلْمِزُوٓاْ أَنفُسَكُمْ
وَلَا تَنَابَزُواْ بِٱلْأَلْقَـٰبِ ۖ بِئْسَ ٱلِٱسْمُ ٱلْفُسُوقُ بَعْدَ ٱلْإِيمَـٰنِ ۚ وَمَن لَّمْ يَتُبْ
فَأُوْلَـٰٓئِكَ هُمُ ٱلظَّـٰلِمُونَ ﴿١١﴾ يَـٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُواْ ٱجْتَنِبُواْ كَثِيرًا مِّنَ ٱلظَّنِّ
إِنَّ بَعْضَ ٱلظَّنِّ إِثْمٌ ۖ وَ لَا تَجَسَّسُواْ وَلَا يَغْتَب بَّعْضُكُم بَعْضًا ۚ أَيُحِبُّ
أَحَدُكُمْ أَن يَأْكُلَ لَحْمَ أَخِيهِ مَيْتًا فَكَرِهْتُمُوهُ ۚ وَٱتَّقُواْ ٱللَّهَ ۚ إِنَّ ٱللَّهَ تَوَّابٌ
رَّحِيمٌ ﴿١٢﴾ (سورة الحجرات : 11-12)

(*a*) ڽاتاکن **دوا** ڤرکارا يڠ دلارڠ دالم ايات يڠ برکاريس دأتس. [ 2 مرکه ]

(*b*) ترڠکن سبب نزول باݢي ڤوتوڠن ايات *وَلَا يَغْتَب بَّعْضُكُم بَعْضًا* [ 4 مرکه ]

| |
|---|
| ڤرڤچهن دالم کالڠن اومت إسلام ڤد هاري اين بوليه منچمرکن ايميج إسلام کسلوروهنڽ. |

(*c*) جلسکن **دوا** حجه باݢي ممبوقتيکن ڤرڽاتاٴن دأتس. [ 4 مرکه ]

[ Lihat halaman sebelah

> PUTRAJAYA: Perpecahan umat Islam berpunca daripada sikap hanya menjadikan Al-Quran sebagai sumber teori tetapi tidak mengaplikasikannya dalam kehidupan seharian.
>
> Pengarah Akademi Pengajian Islam,Universiti Malaya (APIUM), Prof Datuk Dr Zulkifli Mohd Yusoff, berkata akibat terlalu banyak berteori keindahan Islam sebagai prinsip hidup sekadar di atas kertas saja.
>
> "Praktikalnya kelihatan jauh dengan masih ada yang melakukan perbuatan mungkar seperti mengamalkan riba, masih minum arak dan mencela di media sosial," katanya pada Seminar Al-Quran dan Sains Antarabangsa 2017 bertemakan Al-Quran Sumber Hadhari Ummah di Masjid Tuanku Mizan Zainal Abidin di sini, hari ini.
>
> Zulkifli berkata, sekiranya kita benar-benar mendalami makna Al- Quran, ia mengajar kita supaya saling bertoleransi, bersatu dan melihat sesuatu perkara dengan minda terbuka.
>
> Sumber ubah suai daripada
> *https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2017/10/338620/perpecahan-umat-islam-akibat-tidak-beramal-dengan-al-quran-*

برداسركن ارتيكل دأتس،

*( d )* روموسكن لڠكه اونتوق منچڬه كجالا ڤرڤچهن دالم كالڠن اومت إسلام ڤد ماس كيني.

[ 6 مركه ]

*( e )* ترڠكن حكوم دان السن باكي مسئله برايكوت :

( i ) لقمان منچريتاكن كڤد كورو ديسيڤلين ڤريحال كاونن يڠ ممبولي.

( ii ) ناديا منربيتكن ساتو رانچڠن تيليۏيشن يڠ منچريتاكن كونترووٴرسي كهيدوڤن ڤارا ارتيس.

[ 4 مركه ]



5228/ 2 © 2019 Hak Cipta *MPSM Negeri Sembilan* 

**4** سبدا رسول الله ﷺ :

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ عَنْ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ مَنْ تَرَدَّى مِنْ جَبَلٍ فَقَتَلَ نَفْسَهُ فَهُوَ فِي نَارِ جَهَنَّمَ يَتَرَدَّى فِيهِ خَالِدًا مُخَلَّدًا فِيهَا أَبَدًا وَمَنْ تَحَسَّى سُمًّا فَقَتَلَ نَفْسَهُ فَسُمُّهُ فِي يَدِهِ يَتَحَسَّاهُ فِي نَارِ جَهَنَّمَ خَالِدًا مُخَلَّدًا فِيهَا أَبَدًا وَمَنْ قَتَلَ نَفْسَهُ بِحَدِيدَةٍ فَحَدِيدَتُهُ فِي يَدِهِ يَجَأُ بِهَا فِي بَطْنِهِ فِي نَارِ جَهَنَّمَ خَالِدًا مُخَلَّدًا فِيهَا أَبَدًا. ( رواه البخاري )

*(a)* ڤاتاكن **دوا** چونتوه ممبونوه ديري برداسركن حديث دأتس. [ 2 مركه ]

*(b)* جلسكن چارا علماء مڠيستنباط حکوم حرام ممبونوه ديري. [ 4 مركه ]

*(c)* ترڠكن **دوا** فكتور يڠ مندوروڠ سسأورڠ ممبونوه ديري . [ 4 مركه ]




برداسركن ݢمبر دأتس ،

*(d)* كموروڠن اداله ساله ساتو درڤد فكتور يڠ ممباوا كڤد ڤربواتن ممبونوه ديري .

جلسكن **تيڬ** لڠكه باݢي مڠاتسي مسئله ترسبوت. [ 6 مركه ]

*(e)* جلسكن **دوا** حكمه إسلام ملارڠ ڤربواتن ممبونوه ديري؟ [ 4 مركه ]

[ Lihat halaman sebelah

5 (a) (i) ڤاتاكن ڤغرتين نيابة حج؟ [ 2 مركه ]

(ii) جلسكن **دوا** كأدائن يڠ مڠهاروسكن سسأورڠ ملاكوكن نيابة حج باݢي مذهب شافعي. [ 4 مركه ]

(b) جلسكن **دوا** عملن سنة يڠ بوليه دلاكوكن كأتس داݢيڠ قربان. [ 4 مركه ]

| |
|---|
| الرهن داڤت منيڠكتكن ايكونومي اومت إسلام. |

(c) ترڠكن **دوا** بوقتي باݢي مپوكوڠ ڤرڽاتائن دأتس. [ 4 مركه ]

معلومات 1:

فرمان الله ﷻ:

| |
|---|
| وَعَلَى ٱلۡمَوۡلُودِ لَهُۥ رِزۡقُهُنَّ وَكِسۡوَتُهُنَّ بِٱلۡمَعۡرُوفِۚ (سورة البقرة: 233) |
| مقصودڽ :واجب كأتس للاكي ( سوامي) ممبري ماكنن دان ڤاكاين كڤد ايبو ايت دڠن چارا يڠ سڤاتوتڽ. |

معلومات 2 :




Golongan wanita semakin berdaya saing dan lebih kompeten. Walau pun ia satu pencapaian yang baik namun, sedikit sebanyak menyebabkan golongan lelaki merasa tercabar. Hinggakan segelintir lelaki bergelar suami terpaksa mengundur diri dengan beralih kepada kerjaya sebagai suri rumah demi memastikan isteri dapat menjayakan kariernya.

Menurut Pengarah Pusat Kaunseling, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Dr. Fauziah Mohd. Saad, keadaan tersebut seakan-akan tidak dapat dielakkan lebih-lebih lagi dalam keadaan ekonomi kini yang semakin mencabar ditambah pula dengan peluang pekerjaan yang semakin minimum. Katanya, golongan lelaki sememangnya memegang tanggungjawab memimpin keluarga namun atas faktor

[ Lihat halaman sebelah

tertentu, tugas bekerja itu diambil alih oleh isteri.

“Adakalanya isteri memiliki kelebihan berbanding suami dari segi pendapatan, kerjaya, pendidikan dan sebagainya.“Ia menyebabkan golongan suami terpaksa berhenti kerja demi menjaga anak-anak di rumah sepanjang ketiadaan isteri yang keluar bekerja.Walau bagaimanapun, peranan suami sebagai ketua dalam hierarki keluarga itu perlu jelas bagi seorang lelaki dan diakui oleh seluruh ahli keluarga,” katanya ketika dihubungi baru-baru ini.

Sumber ubah suai daripada
*http://www.kosmo.com.my/k2/rencana-utama/suami-bergelar-suri-rumah-meningkat-1.645726*

برداسرکن معلومات 1 دان 2 دأتس،

*( d )* جلسکن ڤندڠن اندا تنتڠ ايسو دأتس منوروت شرع دڠن کهيدوڤن رومه تڠݢ سڤرتي دالم معلومات 2. [ 6 مرکه ]

[ Lihat halaman sebelah

**6** ( *a* ) ( i ) سنارايكن **دوا** سومبر ڤراوندڠن اسلام ڤد زمان خلفاء الراشدين. [ 2 مركه ]

( ii ) ترڠكن **دوا** كأيستيميواءن ڤراوندڠن إسلام. [ 4 مركه ]

( *b* ) جلسكن **دوا** ڤربيذاٴن انتارا لفظ عام دڠن لفظ مطلق. [ 4 مركه ]

| |
|---|
| خلع داڤت منولق كمضرتن دان كسوليتن دالم ڤرهوبوڠن سوامي ايستري |

( *c* ) ترڠكن **دوا** حجه اندا باڬي مپوكوڠ ڤرياتاٴن دأتس. [ 4 مركه ]

**Dua hakim wanita pertama Mahkamah Tinggi Syariah Malaysia dilantik**



Hakim Mahkamah Tinggi Syariah, Nenney Shuhaidah Shamsuddin,41, (kanan) dan Noor Huda Roslan,40, bersama tauliah pelantikan sebagai Hakim Mahkamah Tinggi Syariah yang dikurniakan oleh Sultan Selangor Sultan Sharafuddin Idris Shah pada majlis Pengurniaan Watikah di Istana Bukit Kayangan hari ini. – BERNAMA

( *d* ) برداسركن كرتن اخبر دأتس، بوات ساتو روموسن تنتڠ كواجرن
ڤلقساناٴن ڤركارا ترسبوت دالم محكمة شرعية دمليسيا ڤد ماس كيني. [ 6 مركه ]

**KERTAS SOALAN TAMAT**